**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN**
**SELASA 26 MAC 2024**

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br>4.<br>5.<br>6. | ENAM BULAN TEMPOH LIBAT URUS, LIBATKAN PEMBANGKANG BINCANG HARGA BERAS -MENTERI, ASTRO AWANI -ONLINE<br>SEGERA EDAR BERAS PUTIH TEMPATAN -NACCOL, SH -ONLINE<br>SEGERA EDAR BERAS PUTIH TEMPATAN -NACCOL, NASIONAL, SH -4<br>KONTRAK KERAJAAN BABIT EDARAN BERAS, GUNA BERAS IMPORT MULAI APRIL, ASTRO AWANI -ONLINE<br>DITAWARKAN HARGA TINGGI, TERIKAT DENGAN HUTANG PUNCA PESAWAH JUAL HASIL PADI KEPADA PENGILANG BUKAN BUMIPUTERA, MUKA DEPAN, BH -1<br>HARGA TINGGI, TERIKAT HUTANG PUNCA PESAWAH JUAL KEPADA PENGILANG BESAR, NASIONAL, BH -3 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM) |
| 7.<br>8. | MENTERI KPKM ARAH TEKNOLOGI PERTANIAN UNIVERSITI, MARDI DIKONGSI KEPADA PETANI, ASTRO AWANI -ONLINE<br>MARDI EDAR BENIH BAWANG KE TIGA NEGERI, CAPAI SASARAN 30 PERATUS BAWANG TEMPATAN -MENTERI, ASTRO AWANI -ONLINE | INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI) |
| 9. | LPNM TINGKAT PENGELUARAN NANAS PENUHI PERMINTAAN, NASIONAL, BH -20 | LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA (LPNM) |
| 10.<br>11.<br>12. | JELAPANG PADI SELATAN, ANGAN-ANGAN ATAU CITA-CITA?, RENCANA, UM -17<br>'ABANG BOMBA' GAGAH BERCUCUK TANAM, GAYA TANI, UM -24 & 25<br>UPM KONGSI ILMU HIDROPONIK KEPADA WARGA EMAS, GAYA TANI, UM -25 | LAIN-LAIN |

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/3/2024 | ASTRO AWANI | ONLINE | |

# Enam bulan tempoh libat urus, libatkan pembangkang bincang harga beras - Menteri

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sedang melaksanakan libat urus dengan pelbagai pihak termasuk industri dan ahli parlimen pembangkang mengenai harga beras. Jelasnya, ini merupakan usaha mangatur semula tatacara beras negara yang kali terakhir disemak pada tahun 2008.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 26/3/2024 | SINAR HARIAN | ONLINE | |

## Segera edar beras putih tempatan - NACCOL



Syed Abu Hussin Hafiz (kiri) melakukan tinjauan di sebuah pasar raya.

KUALA TERENGGANU - Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) menggesa pihak Seksyen Badan Kawalselia Padi dan Beras, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) supaya mengedar beras tempatan ke seluruh negara susulan ketiadaan bekalan tersebut di kebanyakan pasar raya di negara ini.

Pengerusi Task Force (Kluster Makanan) NACCOL, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, ketiadaan bekalan beras putih itu akan memberi kesan kepada rakyat berikutan beras tempatan sememangnya mendapat permintaan tinggi daripada pengguna menjelang musim perayaan nanti.



Syed Abu Hussin Hafiz

"Setiap dua hari sekali kita akan pergi kira-kira 70 lokasi untuk lakukan pemantauan bagi memastikan keberadaan beras putih tempatan di pasar raya. Hasil laporan daripada pasukan penggerak Madani mendapati sedikit sahaja pasar raya menjual beras putih tempatan.

"Pada 22 Mac lepas pula Ketua Pengarah Kawal Selia Padi memaklumkan dalam sesi bual bicara di televisyen memaklumkan mengedar lebih 14 juta tan beras ke seluruh negara namun beras putih tempatan masih tiada lagi dalam pasaran.

"Jadi, kita minta supaya pihak Seksyen Badan Kawalselia Padi dan Beras menjelaskan kenapa masih belum ada lagi beras putih tempatan di pasar raya dalam negara selain segerakan pengedaran beras sebab menjelang raya ramai pengguna dan rakyat nak beli beras untuk kegunaan hari raya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita selepas melakukan tinjauan di sebuah pasar raya di sini pada Isnin.

Sebelum ini, mesyuarat NACCOL Bil 1/2024 yang dipengerusikan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 19 Mac lalu memutuskan empat perkara untuk mengatasi isu kekurangan beras di pasaran.

Antara tindakan itu termasuk kerajaan mengarahkan supaya semua stok semasa padi dan beras yang telah dibeli oleh pengilang berjumlah 140,000 tan diproses dan dikeluarkan untuk kegunaan pasaran tempatan dengan serta-merta.

Mengulas lanjut, Syed Abu Hussin Hafiz berkata, hasil pemantauan di kebanyakan pasar raya mendapati hanya beras putih import yang masih berharga lebih mahal dalam pasaran.

"Walaupun harga sekampit beras putih import sudah diturunkan antara RM2 dan RM3 sekampit namun ia masih mahal berbanding beras putih tempatan cuma RM26 bagi 10 kilogram.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/3/2024 | ASTRO AWANI | ONLINE | |

# Kontrak kerajaan babit edaran beras, guna beras import mulai April



*Mohamad berkata usaha itu sebagai langkah intervensi oleh kerajaan bagi memastikan bekalan BPT mencukupi di pasaran. - Gambar Bernama*

**KUALA LUMPUR:** Sebarang kontrak kerajaan melibatkan pengedaran beras akan menggunakan beras putih import mulai April ini, kata Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu.

Beliau berkata usaha itu sebagai langkah intervensi oleh kerajaan bagi memastikan bekalan beras putih tempatan (BPT) mencukupi di pasaran.

"Maka 20,000 tan metrik BPT akan ada dalam pasaran. Begitu juga dengan stok (BPT) yang masih ada, kepada pengilang kita arahkan supaya ia dikilangkan dan dikeluarkan beras itu untuk digunakan orang awam," katanya ketika menggulung perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja bagi kementerian itu di Dewan Negara hari ini.

Menurut Mohamad negara kini mengeluarkan kira-kira 62 peratus BPT, manakala selebihnya adalah hasil beras putih import.

"Dalam 62 peratus itu antaranya (diedarkan kepada) asrama polis, asrama tentera, sekolah berasrama penuh dan zakat fitrah juga menggunakan BPT. Maka, dalam edaran (pasaran) yang ada hanya tinggal lebih kurang 50 peratus BPT," katanya.

Mengenai isu kekurangan BPT, Mohamad berkata situasi itu berpunca daripada perubahan corak permintaan pengguna susulan peningkatan harga beras putih import.

"Kenaikan harga beras import disebabkan tekanan daripada ketidaktentuan harga beras global dan polisi negara sumber yang membataskan eksport ke luar negara.

"Selain itu, faktor pengukuhan Dolar Amerika Syarikat berbanding Ringgit Malaysia turut menyumbang kepada situasi ini," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/3/2024 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 4 |

# Segera edar beras putih tempatan - NACCOL

**KUALA TERENGGANU** - Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) menggesa pihak Seksyen Badan Kawalselia Padi dan Beras, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan supaya mengedar beras tempatan ke seluruh negara susulan ketiadaan bekalan tersebut di kebanyakan pasar raya di negara ini.

Pengerusi Task Force (Kluster Makanan) NACCOL, Datuk Syed Abu Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal berkata, ketiadaan bekalan beras putih itu akan memberi kesan kepada rakyat berikutan beras tempatan sememangnya mendapat permintaan tinggi menjelang musim perayaan nanti.

"Setiap dua hari sekali kita akan pergi kira-kira 70 lokasi untuk lakukan pemantauan bagi memastikan keberadaan beras putih tempatan di pasar raya. Hasil laporan daripada pasukan penggerak Madani mendapati sedikit sahaja pasar raya menjual beras putih tempatan," katanya di sini pada Isnin.

Menurut Syed Abu Hussin Hafiz, hasil pemantauan di kebanyakan pasar raya mendapati hanya beras putih import yang masih berharga lebih mahal dalam pasaran.

"Jadi saya mohon pengedaran beras putih tempatan disegerakan sebab ramai pengguna mahu beli menjelang Aidilfitri ini," ujarnya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/3/2024 | BERITA HARIAN | MUKA DEPAN | 1 |

Wadah Pembaharuan
BH
BeritaHarian
Diterbit sejak 1957
www.bharian.com.my

# Ditawarkan harga tinggi, terikat dengan hutang punca pesawah jual hasil padi kepada pengilang bukan Bumiputera

*Nasional* 3



| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/3/2024 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 5 |

# Harga tinggi, terikat hutang punca pesawah jual kepada pengilang besar

## Kemampuan kewangan bolehkan pihak terbabit kuasai seluruh rantaian pengeluaran padi

Oleh M Hifzuddin Ikhsan
hifzuddin@bh.com.my

**Alor Setar:** Jawatankuasa Bertindak Petani MADA mendedahkan, majoriti pesawah tempatan sememangnya menjual hasil padi mereka kepada pengilang besar, kerana tawaran harga belian yang tinggi diterima, selain ada yang terikat dengan hutang.

Pengerusinya, Che Ani Mat Zain, berkata tradisi menjual hasil padi kepada pengilang besar terutama di Kedah bermula sejak negara belum mencapai kemerdekaan lagi, sebelum muncul pengilang Bumiputera yang turut membeli padi seperti ketika ini.

Beliau berkata, adalah tidak mengejutkan apabila pengilang besar memonopoli pembelian hasil padi kerana ramai pesawah berasa selesa menjual kepada kilang berkenaan dengan mereka turut memberi manfaat sampingan, selain hasil jualan padi.

"Pesawah jual hasil kepada kilang besar memang sudah lama berlaku kerana mereka menguasai perniagaan jual beli padi secara tradisi dan mampu tawarkan harga lebih tinggi sehingga mungkin ada tiga generasi pesawah jual padi kepada pengilang sama.

"Contohnya harga belian padi semasa adalah RM1,750 per tan, tetapi ada pengilang besar tawarkan harga sehingga RM1,900 per tan, sudah semestinya pesawah akan jual pada pengilang yang tawar harga lebih tinggi kerana mahu untung.

"Kira-kira dua bulan sebelum musim menuai bermula, broker pengilang besar ini sudah masuk ke kampung cari pesawah dan tawarkan bayaran pendahuluan jualan hasil padi, makna secara automatik pesawah yang ambil bayaran pendahuluan menjadi terikat," katanya kepada *BH* semalam.

### Urusan jual beli sah

Mengulas lanjut Che Ani berkata, adalah sukar bagi menghalang pesawah menjual hasil padi kepada pengilang besar kerana ia tidak menyalahi undang-undang, selain ia mengikut urusan jual beli yang sah.

Katanya, sekiranya kerajaan benar mahu memecahkan monopoli pengilang besar, maka seharusnya pengilang Bumiputera mengikut langkah sama atau kerajaan memberikan insentif khas kepada pesawah yang menjual padi kepada mereka.

"Pengilang besar memiliki sesuatu yang tidak dimiliki pengilang Bumiputera iaitu kemampuan kewangan yang besar sehingga mampu menawarkan 'insentif' kepada pesawah yang menjual padi kepada mereka.

"Pengilang sama juga membenarkan pesawah mengambil benih padi, racun dan baja terlebih dahulu selain menawarkan sewaan jentera dan lori dengan semua bayaran akan ditolak selepas hasil jualan padi diperoleh.

"Ini bermakna pengilang besar sudah menguasai keseluruhan sistem rantaian pengeluaran padi bermula dari waktu menanam sehingga menjual padi mereka sudah mengawal pesawah sejak sekian lama," katanya.



*Kerajaan perlu beri insentif kepada pesawah jika mahu pecah monopoli pengilang besar.* (Foto hiasan)

*BH* dalam laporannya kelmarin, mendedahkan hanya lima peratus atau 7,000 daripada 140,000 tan beras tempatan berada di kilang kecil pemprosesan padi milik Bumiputera, manakala selebihnya dipegang kilang besar.

Perkara itu didedahkan Setiausaha Persatuan Pengilang Beras Bumiputera Malaysia (PPBMM), Musonnef Md Radzi yang meminta kerajaan menetapkan kuota belian padi agar pengilang kecil dapat sama membeli padi selain bagi membolehkan mereka kembali bernafas.

> "Pengilang besar sudah menguasai keseluruhan sistem rantaian pengeluaran padi bermula dari waktu menanam sehingga menjual padi mereka sudah mengawal pesawah sejak sekian lama"



***Che Ani Mat Zain,***
*Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Petani MADA*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 26/3/2024 | ASTRO AWANI | ONLINE | |

# Menteri KPKM arah teknologi pertanian universiti, MARDI dikongsi kepada petani

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata teknologi pertanian yang dihasilkan di universiti dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) mesti dikongsikan dengan petani. Jelasnya, kementeriannya sedang bergerak kearah perkongsian teknologi yang lebih pantas demi manfaat industri tani negara.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/3/2024 | ASTRO AWANI | ONLINE | |

## MARDI edar benih bawang ke tiga negeri, capai sasaran 30 peratus bawang tempatan – Menteri

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) telah menghasilkan benih bawang untuk diedarkan ke negeri Perak, Perlis dan Kelantan. Jelasnya, ini merupakan usaha untuk mencapai sasaran kemandirian bekalan bawang tempatan ke paras 30 peratus menjelang 2030.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/3/2024 | BERITA HARIAN | NASIONAL | 20 |


# LPNM tingkat pengeluaran nanas penuhi permintaan

## Agensi sasar eksport hasilan ditingkat kepada 1,000 kontena akhir tahun

Oleh Omar Ahmad
bhnews@bh.com.my

**Johor Bahru:** Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) berusaha meningkatkan pengeluaran tanaman nanas dalam negara, bagi menampung permintaan tempatan dan eksport.

Pengerusi LPNM, Sheikh 'Umar Bagharib Ali, berkata eksport pasaran nanas negara menunjukkan meningkat sejak 2016 hingga tahun lalu.

Katanya pada 2023 nilai eksport M5.75 billion merangkumi pelbagai hasilan berasaskan nanas seperti nanas segar, nanas kaleng dan industri bromeliad.

Beliau berkata, LPNM menyasarkan peningkatan jumlah eksport hasilan nanas negara dari 800 kontena ke 1,000 kontena menjelang akhir tahun ini.

"Kita yakin jumlah pengeluaran eksport itu mampu dicapai dengan pelbagai inisiatif yang dijalankan, termasuk mewujudkan rangka kerjasama di antara syarikat penanam nanas tempatan, Awana Asia Sdn. Bhd dengan syarikat dari Jepun, CGC Japan Co Ltd.

"Memorandum persefahaman (MoU) antara dua syarikat ini sebagai usaha meningkatkan penanaman nanas dengan menumpukan pembangunan penjenamaan dan pemasaran di Jepun.

"Kedua-dua pihak bersetuju untuk meneroka usaha niaga 'Pembuatan Peralatan Asli (OEM) MD2 penanaman nanas Malaysia bagi fasa satu, dua dan tiga (termasuk fasa selingan) di Iskandar Puteri berjumlah 150 ekar bagi tiga tahun perkembangan dengan anggaran kos pelaburan RM3.8 juta," katanya.



*Sheikh 'Umar Bagharib (tengah) bersama Zi Jian (kiri) dan Hoshi selepas majlis MoU di Bandar Baru Uda, semalam.* (Foto Omar Ahmad/BH)

Beliau berkata demikian selepas MoU di antara Awana Asia Sdn Bhd dengan syarikat dari Jepun, CGC Japan Co Ltd di Bandar Baru Uda di sini, semalam.

MoU terbabit ditandatangani Pengarah Syarikat Awana Asi Sdn Bhd, Teoh Zi Jian dan Pengurus Besar Syarikat CGC Japan, Yoshinobu Hoshi.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah LPNM, Mohd Khairuzamri M Salleh.

### 20 tan sebulan

Menurut Sheikh 'Umar Bagharib, jumlah berat percubaan eksport untuk tahun ini ialah 20 tan sebulan dengan nilai RM400,000 tahunan mengikut harga semasa.

Katanya, penghantaran pertama nanas segar MD2 dirancang pada 6 Jun depan, akan mengambil kira-kira 12 hari melalui jalan air.

"Sejumlah 20 tan akan dieksport ke Jepun dengan nilai penghantaran hampir RM98,000 nilai semasa.

"Pemilihan negara Jepun kerana Jepun mempunyai standard keperluan pengeksportan tertinggi. Dengan berjayanya produk syarikat memasuki negara Jepun, membuktikan produk syarikat mempunyai kualiti yang tunggi dan mampu memasuki mana-mana negara luar selepas ini.

"Sasaran syarikat ini, selepas menembusi pasaran Jepun ialah Korea Selatan," katanya.

Sehingga kini, terdapat seluas 17,803 hektar tanaman nanas negara, bersamaan 9.5 peratus daripada keseluruhan tanaman buah-buahan di Malaysia.

Singapura ialah negara pengimport tertinggi bagi produk nanas dengan penguasaan pasaran sebanyak 66 peratus.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 26/3/2024 | UTUSAN MALAYSIA | RENCANA | 17 |

KABAU **DARI MELAKA**

*Oleh* ***Hadi Ab. Manap***

# Jelapang padi selatan, angan-angan atau cita-cita?

SELAIN isu sekolah vernakular dan bak kut teh yang hangat diperkatakan masyarakat ketika ini, isu 'ghaibnya' beras tempatan dalam pasaran juga harus diberi perhatian.

Ketiadaan bekalan beras tempatan yang sudah berlanjutan terlalu lama tanpa alasan munasabah dilihat lebih parah daripada kesukaran bagi mendapatkan minyak peket bersubsidi.

Beras merupakan makanan ruji seluruh rakyat Malaysia. Jika dahulu majoriti rakyat hanya perlu mengeluarkan RM26 daripada kocek mereka untuk mendapatkan 10 kilogram (kg) beras, kini angkanya jauh berubah.

Di pasar raya atau kedai runcit, sekampit beras import 10kg dijual antara RM38 hingga RM50 bergantung kepada lokasi, jenama dan jenis.

Sektor penanaman padi dan pengeluaran beras di Melaka mempunyai potensi besar untuk dimajukan, meskipun jumlah kawasan penanaman di negeri itu sangat kecil iaitu hanya 1,731 hektar berbanding negeri-negeri pengeluar utama seperti Kedah dan Selangor.

> **"Kerajaan negeri juga sedang melaksanakan kajian bagi mewartakan tanah sawah demi keterjaminan makanan di Melaka."**

Di selatan Semenanjung, Melaka berada di kedudukan kedua selepas Johor dengan keluasan kawasan penanaman padi sekitar 2,254 hektar diikuti Negeri Sembilan kira-kira 1,000 hektar.

Bagaimanapun, statistik pengeluaran padi menunjukkan Melaka mengeluarkan hasil tertinggi pada 2022 iaitu sebanyak 6,958 tan metrik berbanding Johor dengan 6,255 tan metrik sahaja.

Seandainya masalah sumber air terhad yang dihadapi sekian lama oleh para pesawah di daerah Melaka Tengah iaitu kawasan penanaman terbesar di negeri ini dengan keluasan mencecah 1,500 hektar dapat diselesaikan, adalah tidak mustahil untuk Melaka bergelar 'jelapang padi selatan'.

Jelapang padi selatan merupakan impian yang terbuku dalam sanubari setiap pesawah di Melaka. Sama ada ia sekadar angan-angan atau senaskhah cita-cita, pembangunan sistem pengaliran yang sempurna menjadi penentunya.

Seperti pernah dilaporkan *Utusan Malaysia*, keupayaan sumber tanah yang subur dan dapat disesuaikan dengan pelbagai jenis benih padi serta sistem pengaliran air yang baik dilihat mampu meningkatkan lagi pengeluaran kepada tiga atau empat kali setahun.

Dengan pertambahan itu, beras yang dikeluarkan di Melaka Tengah mampu untuk menampung keperluan negeri-negeri lain khususnya di Selatan antaranya Johor dan Negeri Sembilan tanpa perlu bergantung harap pada pengeluar sebelah utara.

Di Melaka Tengah, rata-rata pesawah bergantung harap sepenuhnya pada air hujan lantas mencetuskan pelbagai polemik daripada menyemai benih sehinggalah ke menuai hasil.

Jabatan Pertanian memaklumkan, pengeluaran padi tertinggi dalam tempoh empat tahun kebelakangan ini adalah pada 2021 dengan hasil sekitar 7,549 tan metrik.

Peningkatan ketara mencecah 78 peratus berbanding 4,252 tan metrik pada 2020 itu disokong oleh beberapa faktor, antaranya penggunaan varieti padi baharu yang lebih rintang penyakit serta bersesuai dengan keadaan sawah.

**JELAPANG PADI SELATAN**

Baru-baru ini, kerajaan negeri memaklumkan akan mengemukakan cadangan kepada kerajaan Persekutuan untuk mewujudkan kawasan jelapang padi selatan bagi menjamin bekalan padi negara pada masa depan.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan Desa, Pertanian dan Keterjaminan Makanan Melaka, Dr. Muhamad Akmal Saleh berkata, cadangan tersebut melibatkan tiga buah negeri iaitu Melaka, Negeri Sembilan dan Johor.

Kata beliau, keluasan sawah di Melaka tidak mencukupi untuk mewujudkan jelapang padi selatan bersendirian yang memerlukan minimum 5,000 hektar tanah.

Kerajaan negeri juga sedang melaksanakan kajian bagi mewartakan tanah sawah demi keterjaminan makanan di Melaka.

Pewartaan itu bagi mengekang tanah sedia ada terus digunakan untuk projek pembangunan seperti perumahan, sekali gus mengecilkan keluasan tanah pertanian.

Sudah pasti, jika semua yang direncanakan itu berjalan, impian untuk melihat jelapang padi selatan bakal terlaksana, mungkin dalam tempoh 10 tahun mendatang.

PENULIS ialah Koresponden *Utusan Malaysia* Melaka.



**JIKA semua yang direncanakan itu berjalan, impian untuk melihat jelapang padi selatan bakal terlaksana, mungkin dalam tempoh 10 tahun mendatang. - UTUSAN/RASUL AZLI SAMAD**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 26/3/2024 | UTUSAN MALAYSIA | GAYA TANI | 24 |



DUA anggota bomba menuai serai yang ditanam mereka di BBP Alor Setar.

# 'Abang bomba' gagah bercucuk tanam

Oleh MOHD. RAFIE AZIMI
gayautusan@mediamulia.com.my

DI sebalik kegagahan 'abang-abang' bomba melakukan tugas menyelamat dan memadam kebakaran, wira-wira negara itu sebagai manusia biasa sudah tentu memiliki pelbagai minat, kebolehan dan hobi lain.

Sebagai inisiatif memenuhi tuntutan itu, pegawai dan anggota bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Alor Setar, Kedah memanfaatkan sepenuhnya tanah seluas 0.5 hektar di belakang balai berkenaan untuk bercucuk tanam.

Menurut Ketua BBP Alor Setar, Timbalan Penguasa Bomba II Ahmad Naufal Abdullah, inisatif berlandaskan kepada Program Bumi Hijau disarankan kerajaan, dimulakan pada 2020 ketika era pandemik Covid-19.

"Ketika itu kami mula menanam 3,000 pokok nanas jenis morris dan MD2. Hasilnya cukup memuaskan hingga kami berjaya memperoleh pendapatan dalam tempoh 12 bulan.

"Nanas-nanas itu kemudiannya mendapat permintaan daripada pelbagai pihak dan wang daripada hasil jualan tersebut dimasukkan ke dalam Tabung Kelab Sukan dan Kebajikan BBP Alor Setar.

"Dengan menggunakan wang tersebut, kami menjalankan pelbagai aktiviti antaranya bersukan dan kebajikan ahli," katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika ditemui baru-baru ini.

Usaha berkenaan tidak terhenti di situ sebaliknya diteruskan dengan menanam pokok-pokok lain seperti pisang, serai, ubi kayu, tebu dan lengkuas.

Ahmad Naufal berkata pihaknya turut mendapat kerjasama daripada Jabatan Pertanian yang menyumbang *planter box* dan memberi khidmat nasihat.

Kemudahan itu digunakan untuk menanam beberapa tanaman bersesuaian seperti petola.

"Hasilnya beberapa kali dituai dan diagih-agihkan dalam kalangan pegawai," katanya.

**TIDAK GANGGU TUGAS**

Tambah Ahmad Naufal, langkah bercucuk tanam itu dipastikan tidak mengganggu tugas masing-masing dengan usaha melaksanakannya juga dilakukan pegawai serta anggota yang benar-benar berminat dengan dunia pertanian secara sukarela.

"Usaha bercucuk tanam ini tidak kami laksanakan pada waktu bekerja sebaliknya dilakukan selepas waktu bekerja.

"Umumnya pada pukul 7 hingga 8 pagi dan 5 hingga 6.30 petang, kami akan menjalani latihan fizikal.

"Bagi mana-mana anggota yang mempunyai penyakit dan tidak sesuai menjalani latihan tersebut, maka mereka akan mengeluarkan peluh dengan berkebun," katanya.



BERCUCUK tanam dipastikan tidak mengganggu tugas hakiki.

**AKTIVITI MENYERONOKKAN**

Ketua Zon 1 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kedah, Penguasa Kanan Bomba I Ahmad Aminudin Abd Rahim berkata, pihaknya memberi galakan dan dorongan kepada setiap BBP di Zon 1 yang berhasrat untuk menjalankan aktiviti tanaman di kawasan balai.

Katanya, selain BBP Alor Setar beberapa BBP lain seperti Pendang, Pokok Sena dan Kuala Nerang turut aktif melakukan kegiatan sama.

"Aktiviti sebegini langsung tidak memberi kesan kepada tugas hakiki kerana masing-masing melaksanakannya secara bertanggungjawab, di luar *shift* tugas masing-masing.

> "Inisatif berlandaskan kepada Program Bumi Hijau disarankan kerajaan, dimulakan pada 2020 ketika era pandemik Covid-19."
>
> AHMAD NAUFAL ABDULLAH

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 26/3/2024 | UTUSAN MALAYSIA | GAYA TANI | 25 |



AHMAD Naufal Abdullah menunjukkan petola yang tumbuh subur.

"Selain tanaman seperti sayur-sayuran dan buah-buahan, di Kuala Nerang pegawai dan anggota kami turut mengusahakan madu kelulut. Ini merupakan inisiatif pihak balai untuk melaksanakan aktiviti yang mampu mendatangkan kebaikan kepada semua," katanya.

Sementara itu, anggota bomba di BBP Alor Setar, Ahmad Fadzali Murad, 57, memaklumkan, aktiviti berkebun diterapkan di tempat kerjanya itu memberi peluang kepada dirinya serta rakan-rakan yang memiliki minat sama untuk melaksanakan perkara yang mereka sukai.

"Memang menyeronokkan apabila kami sama-sama melihat hasil daripada kerja keras menjaga kebun ini. Kami berkongsi minat yang sama dan ada kalanya saling berkongsi pengetahuan mengenai tanaman kerana ada antara anggota yang tiada pengalaman dalam bidang pertanian.

"Selain itu, aktiviti ini membuka ruang kepada saya sebagai pesakit gout untuk setidak-tidaknya berpeluh jika tidak dapat menyertai latihan fizikal ketika sakit menyerang," katanya.



TANAMAN pokok pisang antara yang terdapat di BBP Alor Setar.



SERAMAI 35 pelajar Bacelor Sains Hortikultur dari Fakulti Pertanian, enam ahli jawatankuasa induk dari ITAFoS dan Fakulti Pertanian, UPM pada program Cakna Warga Emas: Dari Putra ke Bonda.

# UPM kongsi ilmu hidroponik kepada warga emas

INSTITUT Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan (ITAFoS), Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan program Cakna Warga Emas: Dari Putra ke Bonda bagi berkongsi ilmu dalam bidang pertanian berasaskan penanaman hidroponik dan juga tanaman hiasan di Pusat Jagaan Dan Pendidikan Warga Emas Darul Insyirah, Seksyen 2, Bandar Baru Bangi, Selangor.

Ketua projek program berkenaan, Prof. Madya Dr. Ahmad Faizal Abdull Razis berkata, program ini dianjurkan untuk membantu warga emas di pusat jagaan berkenaan melakukan aktiviti penanaman dengan kaedah yang betul dan juga mengisi masa lapang dengan aktiviti berfaedah dan bermanfaat.

"Mereka telah mendapat ilmu dan tunjuk ajar secara terus tentang kaedah-kaedah penanaman pokok bersesuaian dengan persekitaran kawasan yang mereka diami.

"Aktiviti yang dianjurkan bersama warga emas ini dapat memupuk mereka untuk menanam dan menjaga kesihatan sambil memenuhi masa lapang bersama-sama rakan mereka di pusat jagaan ini," katanya.

Seramai 35 orang pelajar Bacelor Sains Hortikultur dari Fakulti Pertanian, 6 ahli jawatankuasa induk dari ITAFoS dan Fakulti Pertanian, serta 25 peserta dari pusat jagaan terlibat pada program berkenaan.

Ujarnya, pelaksanaan program memberi impak positif dalam kalangan warga emas di pusat jagaan tersebut tentang kepentingan pertanian dan tanaman holtikultur.

Tambahnya, bukan hanya warga emas yang mendapat ilmu, malah pelajar yang menyertai program ini turut berkongsi ilmu pertanian dengan melakukan demonstrasi.



ANTARA aktiviti dijalankan ialah aktiviti penanaman dengan melakukan demonstrasi bersama pelajar UPM.

"Ia menyumbang kepada pembentukan sahsiah dan jati diri pelajar serta membuka peluang kepada mereka untuk berkomunikasi dan berinteraksi dengan masyarakat pada peringkat umur berbeza di dalam komuniti setempat," ujarnya.

Program ini merupakan salah satu projek di bawah geran *Knowledge Transfer Grant Scheme at PTJ* (KTGS@PTJ) bermula Februari 2023 hingga April 2024 yang bertujuan untuk memindahkan kepakaran universiti dan memberi manfaat kepada komuniti.